

Headline	Peluang besar sektor pengangkutan, industri kepada TNB		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	26
ArticleSize	164 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,326		



Peluang besar sektor pengangkutan, industri kepada TNB

Tenaga Nasional Bhd (TNB) melihat peluang besar dalam elektrifikasi kepada sektor pengangkutan dan industri di negara ini susulan jurang penggunaan tenaga yang masih terlalu luas berbanding di negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

Ketua Pegawai Strategi dan Kawal Selia TNB, Datuk Fazlur Rahman Zainuddin, berkata berdasarkan perbandingan sektor, kedua-dua sektor itu adalah pengguna tenaga terbesar di negara ini yang mana sektor pengangkutan mewakili 42 peratus; manakala industri pula 44 peratus.

Namun, katanya, perbandingan kadar elektrifikasi dengan negara membangun mendedahkan terdapat ruang yang sangat besar untuk memenuhi keperluan elektrik bagi sektor itu di negara ini.

"Dari segi elektrifikasi, kita melihat peluang yang sangat besar dalam sektor pengangkutan kerana ketika ini pembekalan elektrik sektor pengangkutan di Malaysia hanya sekitar satu peratus ini menunjukkan terdapat ruang besar untuk diterokai.

"Manakala sektor industri pula, kadar elektrifikasi sekitar 13 peratus berbanding sekitar 35 peratus kadar di negara OECD, maknanya peluang hampir tiga kali ganda bagi pembekalan elektrik dalam industri di Malaysia.

"Sektor bangunan turut menjadi pengguna tenaga terbesar Malaysia iaitu 14 peratus, namun jika dibandingkan kadar elektrifikasi dengan negara OECD sebenarnya kita lebih tinggi iaitu 18 peratus bagi Malaysia berbanding 13 peratus negara OECD kerana Malaysia menggunakan tenaga elektrik yang tinggi untuk pendingin hawa," katanya di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, prospek penggunaan tenaga bagi pengangkutan pada masa depan juga memerlukan mempertimbangkan penyelesaian penggunaan elektrik berbanding menggunakan bahan api.

Katanya, negara perlu membuat peluang peralihan kepada teknologi berasaskan elektrik berbanding perkakasan tradisional bahan api kerana teknologi berasaskan elektrik adalah penyelesaian terbaik yang meningkatkan kecekapan tenaga.

"Apabila kita melalui peralihan ini, saya percaya ia akan mewujudkan pemangkin dalam ekonomi khususnya membantu Malaysia beralih kepada teknologi lebih maju, berskala besar dan bernilai tinggi sebagai sumbangan kepada pembangunan ekonomi."